

18/05/2001

24 MRSM utamakan pelajar Melayu miskin

MELAKA, Khamis - Mara akan memberi keutamaan kepada pelajar Melayu dari keluarga miskin untuk memasuki 24 daripada 29 Maktab Rendah Sains Mara (Mara) di seluruh negara.

Bagaimanapun, syarat asal kemasukan pelajar itu ke MRSM tetap tidak berubah iaitu mendapat 5A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) atau 6A, 2B dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Pengerusi Mara, Datuk Wira Abu Seman Yusop, berkata hanya MRSM Jasin, Kota Bharu, Taiping dan Langkawi yang mengambil kesemua pelajar yang mempunyai pencapaian berkenaan tanpa keistimewaan kepada anak keluarga miskin.

Katanya, Mara menggunakan sistem merit, iaitu bergantung sepenuhnya kepada keputusan peperiksaan UPSR dan PMR serta pembabitan pelajar dalam kokurikulum.

"Berdasarkan sistem yang digunakan Mara sekarang, anak-anak yang berasal dari keluarga miskin, mempunyai peluang yang lebih besar untuk memasuki mana-mana MRSM, kecuali empat, berbanding mereka yang berasal dari golongan berada," katanya kepada pemberita selepas sesi dialog dengan guru-guru MRSM di Auditorium Al-Azim di sini, petang semalam.

Majlis itu dirasmikan oleh Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, yang mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, yang tidak dapat hadir berikutan kematian adik iparnya, Tan Sri Razali Mohd Ali di Kuala Lumpur, semalam.

Abu Seman berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan seorang peserta yang mahu Mara mewujudkan dua lagi MRSM dan dikhaskan untuk pelajar miskin.

Peserta itu mendakwa, disebabkan persaingan yang begitu sengit dengan pelajar lain, kebanyakan pelajar miskin yang memiliki keputusan cemerlang, tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke MRSM.

"Oleh kerana Mara memang memberi keistimewaan kepada pelajar miskin, cadangan mewujudkan dua MRSM untuk mereka saja, buat masa ini masih belum sesuai," katanya.

Mara mempunyai lebih 2,000 pensyarah yang bertugas di 29 MRSM di seluruh negara dan setakat ini, Mara menyediakan dua jenis pendidikan, iaitu mulai tingkatan satu hingga lima dan tingkatan empat hingga lima.

Mengenai dakwaan gaji yang diterima oleh pensyarah MRSM jauh lebih rendah, Abu Seman berkata, gaji yang dibayar adalah sama dengan gaji guru Kementerian Pendidikan.

(END)